

Bagaimakah pemegang akaun bersama dilindungi?

Bagi deposit di dalam akaun bersama, bahagian milik setiap pemegang akaun bersama digabungkan dengan deposit lain yang diinsuranskan di bawah namanya sendiri. Jumlah agregat deposit yang diinsuranskan dilindungi sehingga \$75,000. Setiap pemegang akaun bersama diandaikan memiliki bahagian sama-rata dalam akaun bersama, kecuali jika ahli Skim DI mempunyai rekod yang menunjukkan sebaliknya.




Semua angka adalah dalam denominasi Dolar Singapura.



Bagaimakah anda boleh menikmati perlindungan ini?

Anda dilindungi secara automatik. Tidak perlu mengisi borang permohonan atau membayar sebarang premium. Pastikan bank penuh atau syarikat kewangan mempunyai butiran peribadi anda yang dikemas kini.



Apa yang perlu anda lakukan jika bank penuh atau syarikat kewangan anda menemui kegagalan?

Tidak perlu lakukan apa-apa. Tunggu pengumuman kami melalui media massa seperti surat khabar, televisyen, radio dan laman web SDIC tentang bagaimana pampasan akan diberikan kepada anda.



Butiran lanjut

Layari www.sdic.org.sg untuk maklumat lanjut tentang Skim DI.

Kami juga mengalu-alukan maklum balas dan pertanyaan anda. Sila emel kami di infosdic@sdic.org.sg atau tinggalkan pesanan di laman Facebook kami di www.facebook.com/sdicsg

SKIM INSURANS DEPOSIT

Kami melindungi deposit anda sehingga S\$75,000.

Kini anda boleh tenangkan fikiran.



SDIC
Deposit Insurance
Policyowners' Protection

[sdicsg](https://www.facebook.com/sdicsg)

Apa Itu SDIC?

Perbadanan Insurans Deposit Singapura (SDIC) diberi mandat di bawah Akta Skim-skim Perlindungan Insurans Deposit dan Pemilik Polisi untuk menguruskan Skim Insurans Deposit (DI). Semua bank penuh dan syarikat kewangan di Singapura adalah ahli Skim DI, melainkan yang dikecualikan oleh Penguasa Kewangan Singapura.

Untuk senarai penuh ahli Skim DI,
layari www.sdic.org.sg/sm_list/di_scheme_members

Apakah Skim Insurans Deposit?

Skim DI melindungi deposit anda dengan ahli Skim DI. Perlindungan ini disediakan oleh SDIC kepada pendeposit individu dan juga pendeposit bukan bank seperti perniagaan milik tunggal, syarikat dan persatuan.

Apakah yang dilindungi oleh Skim Insurans Deposit?

Deposit/wang, dalam mata wang dolar Singapura di dalam:

- ✓ Akaun simpanan, semasa dan deposit tetap
- ✓ Akaun Wadiyah
- ✓ Akaun Murabaha
- ✓ Akaun amanah dan pelanggan
- ✓ Akaun Skim Pelaburan CPF (CPFIS)
- ✓ Akaun Skim Jumlah Persaraan CPF (CPFRS)
- ✓ Akaun Skim Persaraan Tambahan (SRS)
- ✗ Deposit mata wang asing
- ✗ Deposit berstruktur
- ✗ Produk pelaburan seperti unit amanah, saham dan sekuriti lain

Bagaimakah anda dilindungi?

Deposit anda yang diinsuranskan dilindungi sehingga had agregat \$75,000 bagi setiap pendeposit, di setiap ahli Skim DI – tidak kira berapa banyak akaun yang anda miliki bersama ahli yang sama.



Tidak diinsuranskan: Jumlah melebihi \$75,000

Perlindungan Maksimum

Akaun Simpanan
\$25,000
+
Akaun Semasa
\$65,000
=
Jumlah:
\$90,000

Diinsuranskan:
\$75,000



Tidak diinsuranskan:
\$15,000

Deposit yang anda miliki di dalam bank penuh atau syarikat kewangan anda dilindungi secara automatik di bawah Skim Insurans Deposit (DI) sehingga \$75,000.

Akaun Amanah

Akaun amanah dan akaun pelanggan diinsuranskan sehingga \$75,000 untuk setiap akaun.



Akaun Simpanan Bapa

\$40,000
Diinsuranskan:
\$40,000



Akaun Simpanan Anak Lelaki yang dipegang oleh Bapa sebagai Amanah

\$80,000
Diinsuranskan:
\$75,000



Akaun Simpanan Anak Perempuan yang dipegang oleh Bapa sebagai Amanah

\$60,000
Diinsuranskan:
\$60,000



Deposit di dalam CPFIS dan CPFRS

Selain itu, deposit di dalam akaun CPFIS dan CPFRS anda bersama ahli Skim DI diinsuranskan secara berasingan sehingga jumlah gabungan sebanyak \$75,000

Akaun Simpanan
\$60,000
Diinsuranskan:
\$60,000



Akaun CPFIS / CPFRS
\$100,000
Diinsuranskan:
\$75,000



Tidak diinsuranskan:
\$25,000

Akaun Milikan Tunggal

Jika anda seorang pemilik tunggal, deposit di dalam akaun peribadi dan akaun perniagaan atas nama pemilik tunggal anda digabungkan dan jumlahnya diinsuranskan sehingga \$75,000.

Akaun Peribadi
\$25,000
+
Akaun Perniagaan
\$65,000
=
Jumlah:
\$90,000



Tidak diinsuranskan:
\$15,000

Semua angka adalah dalam denominasi Dolar Singapura.

Semua angka adalah dalam denominasi Dolar Singapura.